

SHARING HOPE

AKADEMIK

Oleh: Cik. Siti Nor Fazariah Suis @ Mohd Rusdy
Program: Kerja Sosial HA52

Sekolah Psikologi
dan Kerja Sosial

LATARBELAKANG PENUBUHAN

Program Sharing Hope merupakan sebuah program di bawah kelolaan Kelab Kerja Sosial, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bertujuan untuk membantu kumpulan dan komuniti yang ditimpa musibah seperti kebakaran, bencana alam dan peperangan. Program ini juga bertujuan untuk mendedahkan mahasiswa UMS dan pelajar SPKS khususnya kepada prosedur dan perjalanan sesebuah organisasi dalam merancang serta menghubungkan kumpulan dan komuniti mangsa kepada sumber-sumber bantuan yang sepatutnya untuk memastikan kefungsi sosial mereka dapat dipulihkan.

Sharing Hope secara rasminya telah dilaksanakan pada bulan November 2013 dengan penubuhan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada kalangan pelajar Program Kerja Sosial (HA52), permohonan kertas kerja dan juga perancangan aktiviti pada tahun 2014, termasuklah program Larian Amal ataupun Walkathon yang dijadualkan berlangsung pada bulan April 2014. Pembikinan T-shirt Sharing Hope yang berharga RM35.00 setiap satu helai dan menggunakan warna tema Sharing Hope iaitu merah jambu dan penggunaan kad keahlian bagi setiap ahli. Sepanjang penubuhan, seramai 70 orang pelajar telah mendaftar sebagai ahli Sharing Hope.


Idea penubuhan program Sharing Hope ini bermula selepas insiden kebakaran yang berlaku di Kg. Numbak, Sepanggar pada bulan Oktober 2013. Kesukaran mengumpulkan barangan keperluan harian untuk disumbangkan kepada mangsa kebakaran, serta kekurangan tenaga kerja ataupun sumber manusia yang empati dan professional dalam menjalankan urusan tersebut telah menjadi langkah awal kepada penubuhan Sharing Hope yang bukan sahaja menyediakan barangan keperluan mangsa tetapi juga menyediakan sumber professional yang bertanggungjawab dalam menangani aspek psikologikal dan emosi serta menjadi mediator dalam menghubungkan kumpulan ataupun komuniti mangsa kebakaran dan bencana alam dengan sumber-sumber yang bersesuaian.

CABARAN

Sepanjang tahun 2013, Sharing Hope telah menyampaikan sumbangan dan beroperasi dalam beberapa misi bantuan seperti kebakaran di Kg. Numbak, Kebakaran di Kg. Pandasan Kota Belud. Pada tahun 2014, Sharing Hope telah beroperasi ketika kebakaran di Kg. Cenderamata Likas, Bantuan mangsa Banjir di Beaufort, Tenom dan Sipitang. Sepanjang pelaksanaan Sharing Hope pada tahun 2013 sehingga bulan Mac 2014, banyak pihak telah memberikan kerjasama, cadangan, nasihat dan komen yang sangat berguna untuk dijadikan sebagai fokus penambahbaikan pada masa hadapan.

PERANCANGAN PADA TAHUN 2014

Perancangan program pada tahun 2014 adalah lebih kepada pemantapan organisasi dan peluasan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan juga Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Sharing Hope juga akan melibatkan lebih ramai pensyarah daripada Program HA52 dan juga program-program lain sebagai pemantau ataupun sebagai sumber rujukan dalam bidang kepakaran masing-masing. Hal ini adalah penting demi untuk memastikan survivaliti Sharing Hope pada masa hadapan kelak.



poster Sharing Hope



Sharing Hope mementingkan kepada pemulihan kefungsi *target group*, *target community* dan *target person* secara holistik. Sharing Hope bukan hanya mediator yang perlu tetapi juga Memperkuatkan dan menghubungkan klien kepada sumber-sumber atau *empowering klient* agar mereka dapat membebaskan diri daripada trauma bencana yang dihadapi. Pemulihan ini penting bagi memastikan individu yang terdampak berupaya untuk menjalani kehidupan mereka dengan lebih signifikan pada masa hadapan.

Pelajar program Kerja Sosial HA52 sedang membuat pembungkusan sumbangan sebelum diedarkan